

Pengaruh Literasi Kewangan Terhadap Pengurusan Kewangan Mahasiswa
(*The Influence of Financial Literacy on Financial Management Among University Students*)

LIM ZHI WEI, TAY FUI FUI, CHONG KAR HYIN, DHARRSHENI A/P PRAKASH ANAND,
RUBAYAH YAKOB*, HENDON REDZUAN & MOHD HAFIZUDDIN SYAH BANGAAN
ABDULLAH

ABSTRAK

Perbelanjaan pendidikan dan harga barang yang semakin meningkat menyebabkan mahasiswa memerlukan literasi kewangan untuk membantu mereka menguruskan kewangan dengan baik supaya dapat menyelesaikan masalah kewangan yang dihadapi dalam kehidupan mereka. Oleh itu, kajian bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh literasi kewangan kepada pengurusan kewangan mahasiswa. Sampel kajian ini terdiri daripada 100 orang responden yang dipilih berdasarkan kaedah persampelan mudah. Hasil kajian menunjukkan bahawa secara purata mahasiswa mempunyai tahap literasi kewangan dan tahap pengurusan kewangan yang tinggi. Hasil regresi linear mudah menunjukkan bahawa item dalam literasi kewangan iaitu pengetahuan kewangan, tingkah laku pengurusan kewangan dan pengalaman kewangan mempengaruhi item pengurusan kewangan mahasiswa iaitu perbelanjaan, pelaburan dan simpanan. Hasil kajian memberi input kepada pihak yang berkenaan untuk melaksanakan program atau usaha bagi meningkatkan kesedaran mengenai literasi kewangan dalam kalangan mahasiswa. Kursus Pengurusan Kewangan perlu diwajibkan kepada setiap mahasiswa bagi menyediakan mereka dengan pengetahuan kewangan secukupnya sebelum menempuh dunia sebenar apabila bergraduasi kelak.

Kata kunci: literasi, mahasiswa, kewangan, pengurusan, perbelanjaan

ABSTRACT

Education expenses and the increasing price of goods cause students to need financial literacy to help them manage their finances well so that they can solve the financial problems faced in their lives. Therefore, the study aims to identify the influence of financial literacy on student financial management. The sample of this study consisted of 100 respondents who were selected based on the simple sampling method. The results of the study show that on average students have a high level of financial literacy and financial management. The results of a simple linear regression show that items in financial literacy, namely financial knowledge, financial management behavior and financial experience, affect student financial management items, namely spending, investment and savings. The results of the study provide input to the relevant parties to implement programs or efforts to increase awareness of financial literacy among students. A Financial Management course should be compulsory for every student to provide them with sufficient financial knowledge before entering the real world when they graduate.

Keywords: literacy, students, finance, management, expenses

PENGENALAN

Mahasiswa merupakan aset penting dalam pembangunan negara, malah bakal barisan kepimpinan negara pada masa akan datang. Walau bagaimanapun, mahasiswa berhadapan dengan pelbagai cabaran dan masalah mempengaruhi kesejahteraan hidup dan pencapaian akademik mereka. Antaranya adalah kewangan sepanjang kehidupan mereka di kampus, lebih-lebih lagi kepada mahasiswa dalam golongan isi rumah B40 (Norlaila, Norain, Iman dan Suhaila, 2019). Kehidupan di kampus memerlukan mahasiswa untuk berdikari dan berjauhan dengan ibu bapa mereka. Segala perbelanjaan mereka seperti penginapan, makanan, pengangkutan, pembelian buku dan komputer riba, perlu diuruskan sendiri oleh mereka. Pelbagai situasi telah dipaparkan kepada pengetahuan umum akibat daripada kegagalan mahasiswa menguruskan wang secara berhemah. Sebagai contoh, Norlaila et al (2019) menyatakan bahawa terdapat isu ketidakcukupan wang belanja dalam kalangan mahasiswa sehingga terpaksa menjimatkan belanja makan. Selain itu, Laporan Jabatan Insolvensi Malaysia pada tahun 2021 melaporkan bahawa mereka yang diistiharkan bankrap juga termasuk belia yang berumur di bawah 25 tahun, sebanyak 0.51% (314/61,665). Walaupun peratusannya kecil, tetapi ia merupakan satu indikator yang tidak sihat. Kebankrapan dalam golongan ini disebabkan oleh ketidakupayaan untuk membayar balik pinjaman seperti pinjaman peribadi, pendidikan, kad kredit, kereta serta rumah (Sinar Harian, 2020). Selain itu, seramai 539,284 daripada 2,424,009 mahasiswa tidak membuat bayaran balik terhadap pinjaman PTPTN setakat 30 September 2021 (Berita Harian, 2021). Justeru, mahasiswa memerlukan perancangan kewangan yang bijak dan teliti untuk menguruskan segala perbelanjaan dalam kampus (Syahida, Azizi, Norlaila dan Mohamad, 2021). Hal ini sangat penting kerana, tanpa pengurusan kewangan yang baik, semua perbelanjaan ini boleh menjadi beban kepada mereka dan mungkin menggugat prestasi akademik mahasiswa. Malah, pengurusan kewangan yang bijak membantu mahasiswa berdikari dengan pendapatan sendiri agar tidak terjebak dengan masalah kewangan apabila melangkah ke alam pekerjaan kelak (Noraznida Husin, 2021). Pengurusan kewangan menjadi salah satu tanggungjawab terpenting dalam golongan mahasiswa kerana mereka perlu merancang perbelanjaan terutama dalam keadaan peningkatan kos sara hidup dengan sumber kewangan yang terbatas (Noraznida Husin, 2021).

Namun begitu, kekurangan ilmu dalam pengurusan kewangan menyebabkan mahasiswa sukar untuk membezakan barangan keperluan atau kehendak. Tahap literasi kewangan yang tinggi akan membawa kepada pengurusan kewangan yang baik kerana mereka lebih cenderung untuk membuat rancangan perbelanjaan dan bajet yang seterusnya menentukan gelagat perbelanjaan seorang mahasiswa (Nurul Liyana dan Syazwina, 2021). Hairunnizam dan Siti Aisyah (2020) menyatakan bahawa literasi kewangan adalah antara faktor yang mempengaruhi kebangkrutan. Manakala, menurut Nor Shamsiah dan Syed Zaid (2019) pula, literasi kewangan bukan sahaja membantu seseorang untuk mengurus kewangan dengan berkesan dalam kehidupan seharian malah dapat mencapai matlamat kewangan jangka panjang. Literasi kewangan perlu dipelajari oleh setiap mahasiswa kerana ia akan memanfaatkan mereka pada masa akan datang, untuk menguruskan kewangan dengan bijak (Hairunnizam dan Siti Aisyah, 2020). Dengan ini, literasi kewangan berkait rapat dengan kesejahteraan kewangan seorang mahasiswa kerana menyediakan asas dalam membuat keputusan kewangan (Magesvari, Husaina Banu dan Muhammad Faizal, 2018; Muhammad Rafiq dan Low, 2020).

Maka, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh literasi kewangan terhadap pengurusan kewangan dalam kalangan mahasiswa. Kajian ini adalah berbeza dengan penyelidikan terdahulu, di mana fokus kajian ini adalah pada semua mahasiswa di Malaysia berbanding dengan kajian lain yang hanya menumpu kepada universiti tertentu atau skop yang tidak sama. Oleh itu, penemuan analisis ini diharapkan menjadi petunjuk kepada pengawal selia dan pihak berkuasa untuk mengetahui tahap literasi kewangan mahasiswa yang membawa impak kepada pengurusan kewangan mereka. Dalam pada itu, Pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) diharapkan untuk mewajibkan kursus berkaitan literasi kewangan dalam pembelajaran mahasiswa daripada pelbagai bidang untuk menyediakan mahasiswa dengan pengurusan kewangan yang cekap dan dapat mengaplikasikannya apabila melangkah ke alam pekerjaan. Hal ini dapat mengurangkan krisis kewangan dan risiko yang akan dihadapi dalam sesuatu keputusan kewangan yang dilakukan. Lantas, kajian ini dapat melancarkan pelaksanaan 'Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023' yang bertujuan membangunkan masyarakat celik kewangan melalui pendidikan kewangan demi kesejahteraan kewangan pada masa depan.

KAJIAN LITERATUR

Literasi kewangan adalah penting untuk setiap mahasiswa kerana literasi kewangan mempunyai hubungan yang positif (Salbiah, Suzana, Suhailah, Nurulhayah & Maryam, 2018) dan signifikan terhadap amalan pengurusan kewangan (Meli Ameliawati & Rediana Setiyani, 2018). Ini selaras dengan kajian Hairunnizam dan Siti Aisyah (2020) yang menyatakan bahawa kekurangan literasi kewangan akan menyebabkan pengurusan kewangan yang lemah dalam kalangan mahasiswa dan memberi pengaruh kepada masa depan mereka. Sebaliknya, pengurusan kewangan yang baik dapat memastikan kestabilan kewangan dan ekonomi sesebuah negara, seterusnya mengurangkan risiko krisis kewangan (Salbiah et al., 2018). Oleh itu, pendidikan kewangan adalah penting untuk membimbing tingkah laku kewangan seseorang individu (Yong, Yew & Wee, 2018). Ini disokong oleh Rebecca (2019), bahawa memberi seseorang ikan hanya akan memberi mereka makan selama sehari tetapi mengajar mereka memancing akan memberi mereka makan seumur hidup. Hal ini menegaskan keperluan untuk memberi pendidikan berkaitan pengurusan kewangan sejak di bangku sekolah agar pelajar mampu mengurus perbelanjaan secara berhemat lalu mencapai literasi kewangan yang baik (Nurul Liyana & Syazwina, 2021).

Pelbagai kajian telah dilakukan untuk menganalisis berkaitan dengan literasi kewangan. Antaranya kajian yang dijalankan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah menunjukkan literasi kewangan mahasiswa adalah pada tahap sederhana (Hairunnizam & Siti Aisyah, 2020). Kajian Dewiana, Juliana, Masduki dan Agus (2021) pula menerangkan status sosioekonomi ibu bapa telah memberi kesan yang signifikan kepada pengurusan kewangan peribadi pelajar. Hal ini bermakna keluarga yang berpendapatan tinggi cenderung mempunyai pengurusan kewangan yang baik serta tahap pendidikan atau tahap literasi kewangan yang tinggi (Ishak & Mohd Yazid, 2020). Selain itu, kajian dari Muhammad Rafiq dan Low (2020) mendapati bahawa literasi kewangan mempunyai pengaruh dan hubungan yang signifikan terhadap gelagat kewangan mahasiswa. Malah, satu kajian yang dijalankan dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Negeri Sembilan menunjukkan faktor bangsa dan pekerjaan bapa mempengaruhi tahap literasi kewangan mereka (Magesvari, Husaina Banu & Muhammad Faizal, 2018). Justeru, kajian ini dapat memberi pendedahan kepada mahasiswa berkaitan kesan literasi kewangan terhadap pengurusan kewangan agar mereka dapat merancang perbelanjaan

dengan cekap.

Menurut Raras Risia, Isfenti dan Nisrul (2020), pengetahuan kewangan mempunyai hubungan yang bermanfaat dan pengaruh yang besar terhadap pengurusan kewangan peribadi. Hal ini disokong oleh kajian daripada Nurul Liyana dan Syazwina (2021) yang menyatakan bahawa individu yang mempunyai literasi kewangan yang berkualiti dipercayai mempunyai pemahaman dan kemahiran yang lebih baik dalam pengurusan wang peribadi. Dengan ini, seseorang individu akan lebih cenderung untuk membuat keputusan yang bijak dan mempunyai pengurusan kewangan yang lebih cekap dan berkesan (Meli Ameliawati & Rediana Setiyani, 2018). Jelaslah bahawa tahap pendidikan seseorang individu mempunyai hubungan yang penting dengan perancangan keuangannya. Sebagai alternatif, tahap pendidikan tertinggi yang dicapai oleh seseorang individu dikaitkan dengan faktor yang mempengaruhi perancangan kewangan peribadi (Yong, Chung, & Akram, 2021). Oleh itu, pemahaman pelajar tentang wang dan pengurusan risiko boleh dipertingkatkan dengan memperkenalkan perancangan kewangan peribadi ke dalam kurikulum universiti bagi mencapai literasi kewangan yang tinggi (Chuah, Juliana & JS Keshminder, 2020).

Oloyede, Joseph dan Dev Tewari (2021) menunjukkan bahawa literasi kewangan tanpa amalan pengurusan kewangan tidak akan menghasilkan tabiat perbelanjaan yang baik. Literasi kewangan yang baik pula banyak mempengaruhi tingkah laku pengurusan kewangan iaitu dari segi perancangan, kawalan dan pembuatan keputusan kewangan. Semakin tinggi literasi kewangan, semakin baik kawalan diri seseorang dalam menjalankan pengurusan kewangan (Shinta & Budiwati, 2019). Menurut Naili (2020), pengetahuan kewangan seseorang yang lebih baik membawa kepada kaedah pengurusan kewangan yang lebih baik. Ini sejajar dengan kajian Indriana Rezkia dan Putril Abel Tasman (2019) yang membuktikan bahawa literasi kewangan mempengaruhi pengurusan kewangan dengan cara yang positif dan signifikan. Sebagai contohnya, pengetahuan kewangan mempunyai pengaruh positif terhadap tingkah laku pengurusan kewangan pelajar Fakulti Ekonomi di Semarang State University (Meli Ameliawati & Rediana Setiyani, 2018).

Sebaliknya, buta pengetahuan kewangan adalah sesuatu perkara yang biasa kerana generasi muda dan tua kurang mendapat maklumat tentang konsep kewangan asas dan sangat relevan dalam pasaran yang berubah dengan pantas (Leah Echavez, 2019). Akibatnya, kebanyakan rakyat tidak mampu menyediakan pelan persaraan yang mencukupi disebabkan kekurangan pengetahuan kewangan serta

tidak berkemampuan untuk mengurus kewangan dengan baik. Seterusnya, tinjauan mendapati bahawa pengetahuan kewangan dalam sebahagian besar isi rumah adalah kurang sementara golongan wanita mempunyai tahap pengetahuan kewangan yang lebih rendah berbanding dengan lelaki (Geng Niu, Yang Zhou & Hongwu Gan 2020). Selanjutnya, didapati bahawa kumpulan umur, status sivil, pencapaian pendidikan dan status pekerjaan mempunyai hubungan yang signifikan terhadap tahap literasi kewangan dan pengurusan kewangan (Leah Echavez, 2019).


Seterusnya, kajian lepas mendapati individu dan isi rumah semakin sedar tentang pengurusan kewangan mereka sejajar dengan peningkatan kos sara hidup dalam kalangan rakyat Malaysia pada masa ini (Nuradibah, Thinagaran, Fazli & Catherine, 2018). Namun begitu, menurut tinjauan satu daripada setiap tiga rakyat Malaysia mempunyai tahap pengetahuan kewangan yang lemah di mana hampir 50% rakyat mempunyai pengurusan kewangan yang tidak realistik (Bank Negara Malaysia, 2020). Oleh itu, kekurangan pengetahuan dan kemahiran pengurusan kewangan mengakibatkan kesejahteraan kewangan menjadi rendah serta mudah menjadi mangsa penipuan kewangan (Nuradibah et al., 2018). Justifikasinya, pengetahuan kewangan asas dapat meningkatkan kesedaran masyarakat supaya tidak terjebak dalam penipuan kewangan serta dapat memperkasakan pengurusan kewangan (Financial Education Network, 2019). Kebanyakan rakyat Malaysia masih bergelut dalam pengurusan kewangan mereka sehingga memberi impak yang besar dalam kewangan. Maka, usaha meningkatkan literasi kewangan serta memupuk sikap yang bertanggungjawab dalam pengurusan kewangan adalah amat penting (Financial Education Network, 2019). Selanjutnya, literasi kewangan membawa kepada pengurusan kewangan yang bijak di mana dapat meningkatkan taraf hidup dan keyakinan pada masa hadapan. (Nor Shamsiah & Syed Zaid, 2019). Kesimpulannya, pengurusan kewangan perlulah dilengkapi dengan pengetahuan kewangan yang sesuai (Pipit Rosita & Mega Noerman, 2019). Dengan berbuat demikian, peningkatan literasi kewangan akan

menjurus kepada pengurusan kewangan yang baik sekaligus meningkatkan daya tahan kewangan sendiri (Noni, Rr Hawik & Sutrisno, 2021).

Menurut Rangkaian Antarabangsa Pendidikan Kewangan telah mentakrifkan literasi kewangan sebagai "gabungan pengetahuan, sikap, dan tingkah laku yang diperlukan untuk membuat keputusan kewangan yang baik dan akhirnya mencapai kesejahteraan individu. Definisi menjelaskan bahawa literasi kewangan adalah sesuatu yang lebih daripada pengetahuan, ia juga merangkumi sikap dan tingkah laku (Beata Swiecka, 2019). Pengetahuan kewangan menunjukkan pemahaman tentang konsep ekonomi dan mekanisme ekonomi. Pengetahuan kewangan membantu orang ramai memahami konsep dan prosedur kewangan serta menggunakan pemahaman ini untuk menyelesaikan masalah kewangan (Gede Adiputra & Ellen 2019). Selanjutnya, sikap kewangan merupakan motivasi dan kesediaan untuk menggunakan pengetahuan dan kemahiran ekonomi dalam pelbagai situasi kehidupan. Ia adalah ciri-ciri individu yang berbentuk kecenderungan ke arah amalan atau tindakan kewangan manakala tingkah laku kewangan adalah gelagat dalam situasi tertentu di pasaran kewangan (Nur Laili & Nadia, 2018). Sehubungan dengan itu, kajian ini berkait dengan *theory of financial education* yang menjelaskan bahawa individu yang mendapat pendidikan berkaitan kewangan akan memperoleh tahap literasi kewangan yang tinggi dan sebagai hasilnya, akan menunjukkan tingkah laku kewangan yang lebih baik (Beata Swiecka, 2019). Oleh itu, mahasiswa yang mempunyai pengetahuan kewangan yang tinggi mampu untuk mengurus kewangan dengan bijak dan terancang (Raras Risia, Isfenti & Nisrul, 2020). Ini sejajar dengan beberapa kajian lepas yang mendapati hubungan positif antara literasi kewangan dengan pengurusan kewangan (Salbiah et al. 2018; Shinta & Budiwati 2019). Maka, hipotesis kajian ini adalah:

H1: Literasi kewangan mempengaruhi pengurusan kewangan dalam kalangan mahasiswa.

Kerangka konseptual kajian:



RAJAH 1. Kerangka kajian kesan literasi kewangan kepada pengurusan kewangan mahasiswa

METODOLOGI

Bahagian ini menghuraikan berkenaan data kajian, instrumen kajian, populasi dan saiz sampel serta kaedah analisis data.

Instrumen Kajian

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dan menggunakan data primer. Data primer diperoleh daripada borang soal selidik yang diedarkan secara dalam talian menggunakan *Google Form* kepada responden melalui platform *whatsapp* dan *telegram*. Soal selidik ini terdiri daripada tiga (3) bahagian dan soalan adalah dalam Bahasa Melayu. Bahagian A merangkumi soalan tentang demografi responden, seperti jantina, bangsa, umur, institusi, tahap pengajian, bidang pengajian, tahun pengajian, pendapatan isi rumah dan juga sumber kewangan sebulan. Dalam pada itu, demografi berkaitan umur adalah dalam format soalan terbuka untuk memperoleh umur responden yang lebih objektif. Sementara itu, soalan di Bahagian B adalah tentang literasi kewangan yang mempunyai 3 dimensi iaitu pengetahuan kewangan - 6 soalan, tingkah laku kewangan - 7 soalan dan pengalaman kewangan - 6 soalan (Moore, 2003). Contoh soalan yang dikemukakan di bahagian ini antaranya ialah: bagi dimensi pengetahuan kewangan: “Saya mengetahui bahawa kenaikan inflasi bermaksud kos sara hidup akan meningkat”; dimensi tingkah laku kewangan: “Saya tidak pernah menanggungkan pembayaran yuran pengajian”; dan dimensi pengalaman kewangan: “Saya berdisiplin dalam menyimpan sebahagian wang daripada elaun saya”. Soalan dalam soal selidik diadaptasi daripada kajian lepas seperti Hairunnizam dan Siti Aisyah (2020); Magesvari, Husaina Banu dan Muhammad Faizal (2018); Noralaila et al. (2019).

Manakala Bahagian C merangkumi soalan tentang pengurusan kewangan yang terdiri daripada 3 dimensi iaitu perbelanjaan - 7 soalan, pelaburan - 5 soalan dan simpanan - 5 soalan (AKPK, 2009). Contoh soalan-soalan dalam setiap dimensi adalah seperti berikut. Soalan bagi dimensi perbelanjaan: “Saya merekodkan perbelanjaan setiap hari”; dimensi pelaburan: “Saya mula melabur jika mampu”; dan

dimensi simpanan: “Saya mulakan tabiat menyimpan wang walaupun sedikit”. Format maklum balas untuk Bahagian B dan C berbentuk skala Likert-5 mata, iaitu 1=Paling Tidak Setuju, 2=Tidak Setuju, 3=Tidak Pasti, 4=Setuju dan 5=Sangat Setuju.

Populasi dan sampel kajian

Sasaran utama populasi dalam kajian ini adalah semua mahasiswa yang masih menuntut di IPTA dan IPTS yang merangkumi mahasiswa semester 1 hingga semester akhir. Responden dipilih berdasarkan kaedah persampelan mudah (*convenience sampling*). Berdasarkan pensampelan ini, bilangan mahasiswa IPTA dan IPTS tidak ditetapkan kerana responden dipilih dalam kalangan mahasiswa yang mudah dicapai. Jumlah sampel dalam kajian ini adalah seramai 100 orang. Saiz sampel ini adalah munasabah dalam kajian ini kerana menurut Roscoe (1975) dan Sekaran dan Bougie, (2016), kajian saiz sampel yang sesuai adalah lebih daripada 30 responden tetapi kurang daripada 500 responden

Kaedah Analisis Data

Menurut kajian Nur Laili dan Nadia (2018); Yong, Chung dan Akram (2021), kaedah regresi diaplikasikan bagi menganalisis hubungan antara pembolehubah tidak bersandar dengan pembolehubah bersandar. Kaedah ini turut digunakan dalam kajian Muhammad Rafiq dan Low (2020) bagi mengkaji pengaruh pemboleh ubah tidak bersandar (literasi kewangan) terhadap pemboleh ubah bersandar (gelagat kewangan) dalam kalangan mahasiswa. Dalam kajian ini, literasi kewangan sebagai pemboleh ubah tidak bersandar, manakala pengurusan kewangan adalah pemboleh ubah bersandar. Di samping itu, beberapa ciri demografi responden dilayan sebagai pemboleh ubah kawalan. Pemboleh ubah kawalan diperlukan untuk memastikan bahawa sebarang perubahan dalam pemboleh ubah bersandar adalah disebabkan oleh hanya pemboleh ubah tidak bersandar yang dikaji. Oleh itu, kajian ini menggunakan model regresi berganda bagi mengenalpasti pengaruh literasi kewangan (LK) terhadap pengurusan kewangan (PK) mahasiswa. Rumus yang terlibat adalah seperti persamaan (1).

$$PGK = a + b_1LK + b_2j + b_3u + b_4pndtn + b_5thp + b_6tp + b_7ip + b_8bp + b_9k + e \quad (1)$$

Sebagai tambahan, kajian ini juga mengenalpasti pengaruh dimensi bagi literasi kewangan yang terdiri daripada pengetahuan kewangan, tingkah laku kewangan dan pengalaman kewangan terhadap

pengurusan kewangan mahasiswa. Melalui analisis ini, kajian berupaya untuk mengetahui pengaruh dimensi bagi literasi kewangan secara berasingan. Rumus yang terlibat adalah seperti dalam persamaan (2).

$$PGK = a + b_1pk + b_2tlk + b_3pek + b_4j + b_5u + b_6pndtn + b_7thp + b_8tp + b_9ip + b_{10}bp + b_{11}k + e \quad (2)$$

Pengukuran bagi setiap pemboleh ubah yang terlibat dalam persamaan (1) dan (2) dinyatakan dalam Jadual 1.

ANALISIS DAN HASIL KAJIAN

Hasil Statistik Deskriptif

Merujuk kepada Jadual 2, seramai 100 orang responden terlibat dalam kajian ini dengan peratusan responden lelaki (43%) yang lebih rendah berbanding responden

perempuan (57%). Selanjutnya, kaum Cina mencatatkan bilangan responden yang tertinggi dengan peratusan sebanyak 42% diikuti kaum India sebanyak 31%, kaum Melayu sebanyak 26% dan 1% untuk kaum lain. Purata umur responden dalam kajian ini ialah 22 tahun dengan umur minimum ialah 19 dan maksimum 26 tahun. Dalam kajian ini juga, 80% merupakan pelajar Institusi Pengajian Awam (IPTA), manakala hanya 20% adalah pelajar Institusi Pengajian Swasta (IPTS). Didapati juga, kebanyakan responden berada di tahap pengajian Ijazah Sarjana Muda bersamaan 88% dan responden terdiri daripada 52% mengambil jurusan perniagaan.

JADUAL 1. Pengukuran pemboleh ubah

Pemboleh ubah	Simbol	Pengukuran
Pemboleh ubah bersandar		
Pengurusan Kewangan	PGK	Skala Likert 5- mata
Pemboleh ubah tidak bersandar		
Literasi Kewangan (terdiri daripada dimensi di bawah):	LK	
Pengetahuan Kewangan	pk	Skala Likert 5- mata
Tingkah laku Kewangan	tlk	Skala Likert 5- mata
Pengalaman Kewangan	pek	Skala Likert 5- mata
Pemboleh ubah kawalan		
Jantina	j	0 = perempuan 1 = lelaki
Umur	u	selanjar
Pendapatan	pndtn	1 = kurang dan sama dengan RM2500 2 = RM2501 – RM3170 3 = RM3171 – RM3970 4 = RM3971 – RM4850 5 = RM4850 dan ke atas
Tahap Pengajian	thp	1 = Ijazah Sarjana 2 = Ijazah Sarjanamuda 3 = Diploma
Tahun Pengajian	tp	1 = tahun 1 2 = tahun 2 3 = tahun 3 4 = tahun 4
Institusi Pengajian	ip	0 = Institusi Pengajian Awam 1 = Institut Pengajian Swasta
Bidang Pengajian	bp	0 = bukan perniagaan 1 = Perniagaan
Kaum	k	0 = bukan Melayu 1 = Melayu

Sementara itu, tiada responden yang mengikuti program Ijazah Doktor Falsafah (PhD). Taburan dari segi tahun pengajian agak setara di mana tahun 1 sebanyak 23%, tahun 2 sebanyak 63%, tahun 3 sebanyak 13%, dan tahun 4 sebanyak 1%. Selain itu, sumber kewangan setiap bulan responden adalah melalui ibu bapa mereka

dengan peratusan sebanyak 39% manakala sebahagian kecil responden menggunakan sumber kewangan sendiri iaitu 11%. Kebanyakan responden daripada golongan berpendapatan rendah iaitu 43% responden adalah daripada keluarga yang berpendapatan kurang daripada RM2,500.

JADUAL 2. Profil Responden

Jantina	Peratusan (%)
Lelaki	43
Perempuan	57
Bangsa	
Melayu	26
Cina	42
India	31
Lain-lain	1
Institusi Pengajian	
IPTA	20
IPTS	80
Tahap Pengajian	
Diploma	11
Sarjana Muda	88
Sarjana	1
Doktor Falsafah	0
Tahun Pengajian	
1	23
2	63
3	13
4	1
Lain-lain	0
Bidang Pengajian	
Sains Tulen	6
Kejuruteraan	8
Pendidikan	3
Perniagaan (seperti Ekonomi/Perakaunan/ Kewangan/Perniagaan)	52
ICT	10
Pergigian/ Perubatan	3
Bahasa	2
Undang-Undang	3
Pertanian/ Perhutanan/ Perikanan	0
Lain-lain	13
Sumber Kewangan	
Biasiswa	16
Pinjaman	34
Ibu bapa	39
Sendiri (Simpanan dan Pendapatan Pekerjaan Sambilan)	11
Pendapatan Isi Rumah	
Kurang daripada RM2,500	43
RM2,501 – RM3.170	17
RM3,171– RM3,970	12
RM3,971 – RM4,850	9
RM4,850 ke atas	19

Hasil Analisis Kebolehpercayaan

Jadual 3 menunjukkan hasil analisis kebolehpercayaan bagi keseluruhan pemboleh ubah dalam kajian ini iaitu pengetahuan kewangan (UK), tingkah laku pengurusan kewangan (TL), pengalaman kewangan (GK), perbelanjaan (BL), pelaburan (PL) dan simpanan (SP). Secara umumnya, indeks kebolehpercayaan yang lebih daripada 0.9 dianggap cemerlang (*excellent*), 0.8 hingga 0.9 dianggap baik (*good*), 0.7 hingga 0.8 dianggap boleh terima (*acceptable*), 0.6 hingga 0.7 dianggap dipersoalkan (*questionable*), 0.5 hingga 0.6 dianggap

lemah (*poor*) dan 0.5 ke bawah dianggap tidak boleh diterima (Magesvari, Husaina Banu & Muhammad Faizal, 2018). Maka, indeks kebolehpercayaan dalam sesuatu kajian adalah paling memuaskan jika indeks melebihi 0.7 (Nor Adibah, Nurhafizah & Noor Aina, 2017). Dalam kajian ini, pelaburan mencatatkan indeks yang paling baik dengan nilai pekali Cronbach's Alpha, 0.911 atau dianggap cemerlang. Manakala pengalaman kewangan mencatatkan indeks yang terendah iaitu 0.75 tetapi masih dalam keadaan boleh terima. Oleh itu, semua pemboleh ubah mempunyai indeks kebolehpercayaan yang baik dan boleh diterima.

JADUAL 3. Hasil Analisis Kebolehpercayaan

Pemboleh ubah	Cronbach's Alpha	Bilangan item
Literasi kewangan		
Pengetahuan Kewangan (pk)	0.859	6
Tingkah Laku Pengurusan Kewangan (tlk)	0.867	7
Pengalaman Kewangan (pek)	0.750	6
Pengurusan kewangan		
Perbelanjaan	0.764	7
Pelaburan	0.911	5
Simpanan	0.897	5

Analisis Deskriptif

Jadual 4 menunjukkan hasil analisis deskriptif setiap pemboleh ubah. Purata bagi item literasi kewangan iaitu pengetahuan kewangan (pk) adalah 4.34 dan tingkah laku pengurusan kewangan (tlk) adalah 3.85 dan ia menunjukkan tahap dalam kedua-dua pemboleh ubah ini adalah tinggi. Manakala pengalaman kewangan menunjukkan skor purata 3.50, yang menunjukkan tahap sederhana. Keadaan ini berlaku kerana majoriti responden masih muda dan kurang berpengalaman dalam menguruskan kewangan mereka di institusi pengajian. Walau bagaimanapun, tahap literasi

kewangan masih tinggi kerana purata keseluruhan ialah 3.90.

Selanjutnya, purata bagi item pengurusan kewangan iaitu pelaburan adalah 3.74 dan simpanan adalah 4.12 mempunyai tahap yang tinggi. Manakala tahap perbelanjaan adalah sederhana kerana puratanya ialah 3.56. Hal ini demikian kerana majoriti responden tidak didedahkan dengan cara menguruskan kewangan memandangkan segala perbelanjaan dan urusan kewangan mereka diuruskan oleh ibu bapa. Secara rumusnya, tahap pengurusan kewangan mahasiswa masih berada pada tahap tinggi di mana puratanya ialah 3.81.

JADUAL 4. Analisis Deskriptif

Pemboleh ubah	Purata	Sisihan piawai
Pengetahuan Kewangan (pk)	4.34	0.665
Tingkah Laku Pengurusan Kewangan (tlk)	3.85	0.928
Pengalaman Kewangan (pek)	3.50	0.843
Literasi Kewangan (LK)	3.90	0.609
Perbelanjaan	3.56	0.776
Pelaburan	3.74	1.062
Simpanan	4.12	0.886
Pengurusan Kewangan (PGK)	3.81	0.756

Keputusan Regresi

Berdasarkan Jadual 5, nilai R^2 terselaras mengimplikasikan bahawa 48.8% variasi dalam pengurusan kewangan dapat diterangkan oleh pemboleh ubah tidak bersandar. Selanjutnya, nilai $F = 11.48$; $p = < 0.001$ menandakan bahawa terdapat sekurang-kurangnya satu pemboleh ubah tidak bersandar yang signifikan. Hasil regresi juga membuktikan bahawa literasi kewangan (LK) mempunyai pengaruh positif

dan signifikan pada $\alpha = 5\%$ dengan nilai $p = 0.001$. Semakin tinggi tahap literasi mahasiswa maka semakin baik pengurusan kewangan. Dari segi saiz pengaruh, literasi kewangan mempunyai pengaruh yang agak kuat iaitu $Beta = 66.9\%$ terhadap pengurusan kewangan. Maka, dengan itu H_0 ditolak. Sementara itu, semua ciri demografi yang bertindak sebagai pemboleh ubah kawalan tidak mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pengurusan kewangan.

JADUAL 5. Keputusan Regresi Persamaan (1)

Model		Koefisien Tidak Standard				
		B	Sisihan Piawai	Beta	t	Sig.
1	Konstan	-0.011	1.273		-0.009	0.993
	lk	0.814	0.096	0.669	8.518	0.001*
	j	0.011	0.116	0.007	0.091	0.928
	u	0.014	0.056	0.022	0.254	0.800
	pndtn	0.031	0.038	0.065	0.800	0.426
	thp	0.052	0.102	0.044	0.505	0.615
	tp	0.048	0.094	0.041	0.510	0.611
	ip	0.155	0.163	0.062	0.704	0.483
	bp	0.017	0.123	0.011	0.136	0.892
	k	0.147	0.131	0.088	1.127	0.263

$F = 11.480$; $p = < 0.001$
 $R^2 = 0.534$
 R^2 terselaras = 0.488

Nota: * signifikan pada $\alpha = 5\%$

Bagi model regresi persamaan (2), nilai $F = 10.251$ dengan nilai $p = < 0.001$ yang menandakan bahawa sekurang-kurangnya satu pemboleh ubah tidak bersandar adalah signifikan. Nilai R^2 terselaras mengimplikasikan bahawa 56.2% variasi dalam pengurusan kewangan dapat diterangkan oleh pemboleh ubah tidak bersandar. Hasil regresi bagi model ini mengesahkan bahawa pengetahuan kewangan (pk), tingkah laku kewangan (tlk) dan pengalaman kewangan (pek) mempunyai kesan yang positif dan signifikan pada $\alpha = 10\%$ dan 5% dengan nilai $p = 0.052$; 0.005 dan < 0.001 masing-masing. Nilai Beta menunjukkan bahawa pengalaman kewangan (pek) mempunyai pengaruh yang paling kuat terhadap pengurusan kewangan dengan nilai 0.479 , diikuti dengan tingkah laku kewangan (0.261) dan pengetahuan kewangan (0.157). Maka, hasil regresi persamaan (2) memperincikan dan menyokong hasil regresi persamaan (1). Kesimpulannya, literasi kewangan mempunyai kesan yang positif dan signifikan terhadap pengurusan kewangan.

PERBINCANGAN

Hasil kajian mendapati tahap literasi kewangan dan pengurusan kewangan dalam kalangan mahasiswa berada pada tahap yang tinggi. Hanya item pengalaman kewangan dan perbelanjaan yang berada pada tahap yang sederhana. Kajian ini juga mendapati bahawa literasi kewangan mempunyai pengaruh yang positif ke atas pengurusan kewangan mahasiswa. Malah kesemua dimensi literasi kewangan iaitu pengetahuan kewangan, tingkah laku kewangan dan pengalaman kewangan dibuktikan mempunyai pengaruh yang positif terhadap pengurusan kewangan. Semakin tinggi tahap pengetahuan kewangan dan tingkah laku pengurusan kewangan, semakin tinggi tahap kefahaman tentang isu-isu kewangan dan langkah-langkah untuk menguruskan kewangan (Mohammad Rafiq & Low, 2020). Kajian ini selaras dengan kajian yang dijalankan oleh Hairunnizam dan Siti Aisyah (2020), di mana kajian tersebut menunjukkan tahap

JADUAL 6. Keputusan Regresi Persamaan (2)

Model		Koefisien Tidak Standard				
		B	Sisihan Piawai	Beta	t	Sig.
1	Konstan	0.445	1.290		0.345	0.731
	pk	0.175	0.089	0.157	1.973	0.052**
	tlk	0.209	0.073	0.261	2.869	0.005*
	pek	0.421	0.073	0.479	5.800	<0.001*
	j	-0.034	0.121	-0.023	-0.284	0.777
	u	0.007	0.056	0.010	0.119	-.905
	pndtn	0.024	0.039	0.051	0.613	0.541
	thp	0.000	0.103	0.000	0.004	0.997
	tp	0.017	0.093	0.015	0.187	0.852
	ip	0.182	0.162	0.099	1.120	0.266
	bp	-0.002	0.121	-0.001	-0.017	0.987
	k	0.160	0.130	0.095	1.233	0.221

F = 10.251; p = < 0.001
R² = 0.562
R² terselaras = 0.507

Nota: * signifikan pada $\alpha = 5\%$; ** signifikan pada $\alpha = 10\%$

literasi kewangan dipengaruhi oleh faktor pengetahuan kewangan, tingkah laku pengurusan kewangan dan juga pengalaman kewangan

Kajian ini juga bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh Dewiana et. al (2021); Chuah, Juliana dan JS Keshminder (2020) yang menyatakan bahawa literasi kewangan mempunyai kesan yang signifikan terhadap pengurusan kewangan peribadi pelajar di mana peningkatan dalam pemboleh ubah literasi kewangan akan memberi kesan yang signifikan terhadap peningkatan pemboleh ubah pengurusan kewangan peribadi pelajar. Yong, Chun dan Akram (2021) pula menyatakan tahap literasi yang lebih tinggi akan membawa kepada lebih banyak penglibatan dalam perancangan kewangan peribadi kerana individu mempunyai pengetahuan kewangan dan mampu membuat keputusan kewangan yang lebih berkesan untuk mencapai situasi kewangan yang diinginkan. Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Noor Lela dan Nadiah (2021) menunjukkan mahasiswa yang memiliki tahap literasi kewangan yang tinggi cenderung mempunyai kemahiran dalam menguruskan kewangan dengan baik selanjutnya memberi kesan positif kepada pembangunan keusahawanan. Hal ini kerana literasi kewangan merupakan asas untuk membuat keputusan dalam kehidupan seharian, tidak kira sama ada mereka menjalankan perniagaan atau tidak (Pipit Rosita & Mega Noerman, 2019) dan akhirnya individu berupaya

untuk merancang, melakukan keputusan dan persiapan kewangan demi masa depan (Susilowati, Kardiyem & Latifah, 2020).

Tambahan pula, mereka yang mempunyai literasi kewangan yang tinggi, kebanyakan akan menyediakan rancangan pelan kewangan pada masa hadapan seperti simpanan dan insuran demi menjamin kesejahteraan kewangan pada kemudian hari (Ishak & Mohd Yazid, 2020). Yong, Yew dan Wee (2018) mendapati literasi kewangan dan amalan pengurusan kewangan yang lemah memberi kesan negatif kepada ramai golongan muda rakyat Malaysia. Oleh itu, pendidikan kewangan adalah penting untuk membimbing tingkah laku kewangan mereka (Magesvari, Husaina Banu & Muhammad Faizal, 2018). Namun demikian, penemuan kajian ini adalah bercanggah dengan kajian Nur Laili dan Nadia (2018); Philippas dan Avdoulas (2020); Radianto, Kristama dan Salim (2021); Thomas dan Subhashree (2020) yang menunjukkan bahawa literasi kewangan tidak mempengaruhi pengurusan kewangan. Hal ini demikian kerana responden dari latar belakang yang berbeza maka tidak semuanya mempunyai literasi kewangan yang tinggi. Ini disokong dengan kajian Oloyede, Joseph dan Dev Tewari (2021), menunjukkan literasi kewangan tidak akan mendorong pengurusan kewangan dengan berkesan kecuali berserta dengan kemahiran sikap pengurusan kewangan. Selanjutnya, Fernando, Luis dan

Maria (2019) menyatakan bahawa pelajar yang berada pada tahap pendidikan yang tinggi mempunyai literasi kewangan yang sederhana disebabkan oleh kekurangan pengetahuan tentang kewangan dan tidak mempunyai disiplin dalam pengurusan akaun.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesan literasi kewangan terhadap pengurusan kewangan mahasiswa. Data kajian ini diperoleh melalui soal selidik atas talian yang diedarkan kepada 100 responden dan semua soal selidik telah dikembalikan dan lengkap yang boleh digunapakai. Kajian ini menggunakan kaedah regresi linear berganda untuk menguji kesan pemboleh ubah tidak bersandar iaitu literasi kewangan (pengetahuan kewangan, tingkah laku kewangan dan pengalaman kewangan) ke atas pengurusan kewangan sebagai pemboleh ubah bersandar. Hasil kajian ini mendapati bahawa semua dimensi literasi kewangan iaitu pengetahuan kewangan, tingkah laku kewangan dan pengalaman kewangan mempunyai pengaruh yang positif dan signifikan terhadap pengurusan kewangan mahasiswa. Oleh sebab itu, secara keseluruhan, kajian ini juga membuktikan bahawa literasi kewangan mempunyai pengaruh yang positif dan signifikan terhadap pengurusan kewangan. Hal ini menunjukkan tahap literasi kewangan mahasiswa yang tinggi membolehkan mereka untuk menguruskan kewangan dengan cekap, Literasi kewangan membangunkan kemahiran dan keyakinan untuk menjadi lebih sedar tentang risiko dan peluang kewangan, membuat pilihan termaklum, dan mengambil tindakan lain yang berkesan untuk meningkatkan kesejahteraan kewangan mereka. Bagi mengambil kira hakikat bahawa apabila pasaran kewangan menjadi semakin canggih dan rakyat memikul lebih banyak tanggungjawab dan risiko untuk keputusan kewangan, terutamanya semasa Malaysia menghadapi pandemik Covid-19 dan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Individu yang mempunyai literasi kewangan yang baik dapat membantu mereka membuat belanjawan dan mengurus pendapatan mereka, menyimpan dan melabur dengan cekap, dan mengelak daripada menjadi mangsa. Maka, 5 strategi yang telah dijalankan oleh kerajaan Malaysia adalah berkesan dan bermanfaat kerana pendidikan kewangan adalah penting dalam meningkatkan literasi dan kesedaran kewangan, iaitu untuk menterjemah kepada keberkesanan keputusan kewangan. Justeru, pihak KPT harus mempertimbangkan subjek berkaitan pengurusan kewangan sebagai subjek wajib setiap

institusi pengajian tinggi untuk memberi pendedahan kepada setiap mahasiswa tentang pentingnya pengurusan kewangan dalam kehidupan mereka. Dengan ini, setiap institusi pengajian tinggi boleh menawarkan modul tambahan yang bersesuaian bagi membentuk asas pembuatan keputusan kewangan yang bijak selepas mereka bergraduasi. Program kewangan juga boleh diperbanyakkan dalam kalangan mahasiswa untuk mengetahui kepentingan literasi kewangan dan menjauhi daripada risiko mengalami masalah kewangan.

Cabaran utama dalam kajian ini adalah kesukaran untuk mengutip data melalui soal selidik daripada responden dari IPTA dan IPTS. Kebanyakan responden tidak mempunyai minat untuk menjawab soal selidik. Ini telah menyebabkan proses kutipan data yang sangat panjang. Bagi cadangan untuk kajian akan datang, ia boleh memfokuskan kepada program pendidikan kewangan yang mampu memberi kesan kepada tingkah laku kewangan mahasiswa atau golongan yang paling memerlukan pendidikan kewangan agar dapat memberi pemahaman yang lebih mendalam terhadap kepentingan pengurusan kewangan, seterusnya membawa kepada kesejahteraan kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia. Dapatan kajian ini diharapkan dapat membantu dan memberi maklumat yang bermakna kepada pihak yang berkaitan untuk lebih mengetahui tahap literasi kewangan dan tahap pengurusan kewangan supaya dapat mencari langkah yang berkesan dalam menyelesaikan masalah kewangan yang dihadapi mahasiswa.

RUJUKAN

- Amy Dacyczyn. (2011). The Complete Tightwad Gazette. *Business Time*.
- Bank Negara Malaysia. (2020). Asas bagi Memperkasakan Pengurusan Kewangan Anda. Laporan Tahunan 2020. https://www.bnm.gov.my/documents/20124/3026128/ar2020_bm_box4_finances.pdf
- Beata Swiecka. 2019. Financial Literacy and Financial Education: Penerbit Deutsche Nationalbibliothek.
- Bernama. (2021). Lebih 500,000 peminjam ingkar bayar balik pinjaman PTPTN. Berita Harian, 24 November. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/11/891548/lebih-500000-peminjam-ingkar-bayar-balik-pinjaman-ptptn>
- Chuah, S.C., Juliana, N.K., & JS Keshminer, S. (2020). Factors affecting financial management behaviour among university students. *Malaysian Journal of Consumer and Family Economics* 25.
- Dewiana Novitasari, Juliana, Masduki Asbari & Agus Purwanto. (2021). The effect of financial literacy,

- parents' social economic and student lifestyle on students' personal financial management. *Economic Education Analysis Journal* 10 (3): 522-531.
- Fernando, O.T., Luis, G.A., & Maria, N.C. (2019). Financial literacy: Study of a university students' sample. *International Journal of Environmental & Science Education* 14(1):1-12.
- Financial Education Network. (2019). Malaysia strategi literasi kewangan kebangsaan 2019-2023.
- Gede Adiputra & Ellen Patricia. (2019). The effect of financial attitude, financial knowledge and income on financial management behavior. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research* 439: 107-112.
- Geng Niu, Yang Zhou & Hongwu Gan. (2020). Financial literacy and retirement preparation in China. *Pacific-Basin Finance Journal* 59:1-17.
- Hairunnizam Wahid & Siti Aisyah, Z. (2020). Literasi kewangan dan kesannya terhadap gelagat perbelanjaan mahasiswa di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar* 23(1): 27-43.
- Hasniza Hussain. (2020). Anak muda muflis kerana 'pinjaman lima serangkai'. Sinar Harian, 29 Oktober.
<https://www.sinarharian.com.my/article/107464/KHAS/>
- Indriana, R.P., & Abel Tasman. (2019). Pengaruh financial literacy dan income terhadap personal financial management behavior pada generasi millennial Kota Padang. *Jurnal Pengajian Pengurusan dan Keusahawanan*, 1:151-160.
- Ishak, A. R., & Mohd Yazid, M. S. (2020). Tahap literasi kewangan di kalangan pekerja sektor awam: Kajian majlis amanah rakyat. *Advanced Journal of Accounting and Finance*, 2(2): 1-15.
- Leah Echavez. (2019). Financial literacy in relation to financial management. *University of Bohol Multidisciplinary Research Journal*, 7: 138-165.
- Magesvari Ramasamy, Husaina, B. K., & Muhammad Faizal, A. G. (2018). Faktor sosioekonomi yang mempengaruhi kemahiran literasi kewangan pelajar sekolah menengah di Negeri Sembilan. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan* 5(3):10-33.
- Meli Ameliawati & Rediana Setiyani. (2018). The influence of financial attitude, financial socialization, and financial experience to financial management behavior with financial literacy as the mediation variable. *International Conference on Economics, Business and Economic Education*.
- Muhammad Rafiq & Low, K.C. (2020). Pengaruh literasi kewangan terhadap gelagat kewangan pelajar universiti. *The International Seminar on Regional Politics, Administration and Development (INSORPAD2020)*.
- Naili Saadah. (2020). The effect of financial literacy and financial efficacy on individual financial management. *Journal of Islamic Economics, Management, and Business* 2 (1): 79-94.
- Noni Setyorini, Rr Hawik, E. I., & Sutrisno. (2021). The role of financial literacy and financial planning to increase financial resilience: Household behaviour as mediating variable. *Media Ekonomi dan Manajemen* 36(2): 243-255.
- Noor Lela, A., & Nadia Farhanah, M.F. (2021). Pengurusan kewangan dan pembangunan keusahawanan dalam kalangan pelajar perakaunan universiti awam. *Jurnal Personalia Pelajar* 24(1): 99-112.
- Noraznida Husin. (2021). Status kewangan dan tekanan dalam kalangan pelajar. *Proceeding of the 8th International Conference on Management and Muamalah 2021*: 405-415.
- Norlaila, B.A.B., Norain, B.M.A., Iman Ahtira, B.L. & Suhaila, B.S. (2019). Masalah kewangan dan tekanan dalam kalangan mahasiswa. *Jurnal Personalia Pelajar* 22(2): 113-120.
- Nor Adibah, A. H., Nurhafizah, A. & Noor Aina, A. R. (2017). Factors that significantly affect college students' CGPA. *International Academic Research Journal of Social Science*, 77-81.
- Nor Shamsiah, M.Y., & Syed Zaid, A. (2019). Jaringan Pendidikan Kewangan.
- Nuradibah Mokhtar, Thinagaran, A/L M. D., Mohamad, F. S., & Catherine S F Ho. (2018). A preliminary evaluation of financial literacy in Malaysia. *Journal of Wealth Management & Financial Planning* 5:3-16.
- Nur Laili, R., & Nadia Asandimitra. (2018). Pengaruh demografi, financial knowledge, financial attitude, locus of control, dan financial self-efficacy terhadap financial management behavior masyarakat Surabaya. *Jurnal Ilmu Manajemen* 6(3): 93- 107.
- Nurul Liyana, H., & Liyana, S. R. (2021). Literasi kewangan dalam kalangan pelajar di UKM. *Journal of Business Innovation* 4(1): 102-110.
- Nurdian Susilowati, Kardiyem & Lyna Latifah. (2020). The Mediating Role of Attitude toward Money on Students' Financial Literacy and Financial Behavior. *Journal of Accounting and Business Education* 4 (2): 58-68
- Oloyede, O., Joseph, O.A. & Dev Tewari. (2021). Acquired financial knowledge and attitudes of South African university students and their financial decisions. *Journal of Accounting and Management* 11(1).
- Philippas, N.D., & Avdoulas, C. (2020). Financial literacy and financial well-being among generation-Z university students: Evidence from Greece. *The European Journal of Finance* 26 (4-5):351-367.
- Pipit, R, A., & Mega, N. N. (2019). The role of financial literacy on financial behavior. *Journal of Accounting and Business Education*, 4 (1): 24-33.
- Radianto, W.E., Kristama, B.Y., & Salim, I.R. (2021). Exploring the relationship between locus of control and financial behavior of accounting students from the social construction theory approach. *Academic Journal of Interdisciplinary Studies* 10(2): 118-118.
- Raras Risia, Y., Isfenti, S. & Nisrul, I. (2020). The effect of financial attitude and financial knowledge on personal financial management of university students moderated by gender. *International Journal of Research and Review* 7(2): 219-229.

- Rebecca T. De Souza. 2019. *Feeding the Other: Whiteness, Privilege, and Neoliberal Stigma in Food Pantries*. London: Penerbit Mit press Cambridge.
- Roscoe. (1975). Interpersonal Computing and Technology. *An Electronic Journal for the 21st Century* 6: 3-4.
- Salbiah, N.S.A., Suzana, Ab.R., Suhailah, I., Nurulhayah, M. & Maryam, M.E. (2018). Amalan pengurusan kewangan mahasiswa. *Jurnal Inovasi Perniagaan* 3 (2): 9-23.
- Shinta, H.S & Sri Budiwati W.P. (2019). The effect of financial literacy on financial management behaviour with self-control as an intervening variable. *International Conference on Business, Economy, Entrepreneurship and Management*, p.p. 179-186.
- Syahida, M. Z., Azizi, Norlaila, M, D., & Mohamad Azmi, N. A. (2021). Pengurusan kewangan mahasiswa. *Journal for Social Sciences, Special Issue Konaka* 24(03):62-75.
- Thomas, B., & Subhashree, P. (2020). Factors that influence the financial literacy among engineering students. *Procedia Computer Science* 172: 480-487.
- Uma Sekaran & Roger Bougie. (2016). *Research methods for business: a skill-building approach*. Seventh edition, p.p 264.
- Yong, C.C, Yew, S.Y., & Wee, C.K. (2018). Financial knowledge, attitude and behaviour of young working adults in Malaysia. *Institutions and Economies* 10 (4), p.p. 21- 48.
- Yong, K.C., Chung, J.F. & Akram, A.S.A. (2021). The relationship between socio-demographics and financial literacy with financial planning among young adults in Klang Valley, Malaysia. *Jurnal Pengurusan* 63.

Lim Zhi Wei, Tay Fui Fui, Chong Kar Hyin, Dharrsheni A/P Prakash Anand, Rubayah Yakob, Hendon Redzuan & Mohd Hafizuddin Syah Bangan Abdullah
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM, Bangi, Selangor, Malaysia.

*Pengarang untuk surat menyurat; e-mel: rubayah@ukm.edu.my